Fahaman BCP6

Sila baca teks ini dengan teliti. Kemudian, jawab semua soalan dengan ayat jawapan yang lengkap.

Tajuk: **Buah-buahan tempatan**

Buah-buahan tempatan adalah buah-buahan yang tumbuh dan hidup dalam negara kita. Di Negara Brunei Darussalam terdapat pelbagai jenis buah-buahan tempatan. Buah-buahan tempatan di negara kita dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu buah-buahan tempatan yang bermusim dan tidak bermusim.

Buah-buahan yang bermusim adalah buah yang berbuah sekali dalam setahun seperti rambutan, tarap, kembayau, belunu dan sebagainya. Manakala buah-buahan yang tidak bermusim adalah buah yang berbuah sepanjang tahun seprti pisang, kelapa, betik, manggis dan sebagainya. Setiap jenis buah-buahan ini mempunyai bentuk saiz dan kulit yang berbeza. Rasanya juga berbeza, ada yang masam, pahit, manis dan ada juga yang kelat.

Kita digalakkan untuk menanam dan memakan buah-buahan tempatan kerana ia mengandungi banyak khasiat, vitamin dan zat untuk kesihatan badan kita. Sebagai contoh, buah pisang adalah baik untuk penghadaman.

LIVEWORKSHEETS

Buah mangga dan belimbing pula digunakan dalam produk pelangsing badan. Manakala buah manggis boleh dihasilkan untuk dijadikan makanan dan minuman untuk kecantikkan.

Buah-buahan tempatan juga boleh dijadikan air minuman jus seperti jus tembikai, jus nenas dan sebagainya. Buah-buahan tempatan juga boleh dibuat kuih, kek, bingka dan cucur seperti kek buah, bingka durian dan cucur pisang. Selain itu, buah-buahan juga boleh menjadi opsyen untuk dihidangkan dalam majlis-majlis yang tertentu sebagai pencuci mulut.

Apabila tiba musim buah-buahan, ramai orang menjual buah-buahan di gerai-gerai, di tepi-tepi jalan dan di tamu. Harganya juga berpatutan. Jika kita membeli buah-buahan tersebut, secara tidak langsung boleh membantu ekonomi negara dan menambah pendapatan para penjual buah-buahan itu sendiri.

Oleh kerana buah-buahan tempatan banyak keistimewaan, makan mula sekarang rajinlah kita menanam dan makan buah-buahan tempatan. Dengan demikian, kita digalakkan untuk makan dan membeli buah-buahan tempatan yang dihasilkan oleh penduduk negara kita sendiri.

LIVEWORKSHEETS

Latihan 1 Fahaman BCP6

Taipkan ayat jawapan secara gramatis.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan buah-buahan tempatan?

2. Buah-buahan tempatan terbahagi kepada berapa kumpulan? Sila sebutkan kumpulannya.

3. Apakah buah-buahan tempatan yang bermusim dan berikan nama buah-buahannya?

4. Apakah pula buah-buahan tempatan yang tidak bermusim dan berikan nama buah-buahannya?

5. Mengapakah kita digalakkan menanam dan memakan buah-buahan tempatan?

LIVEWORKSHEETS

6. Namakan 2 buah yang digunakan dalam produk pelangsing badan?

7. Selain boleh membuat air minuman jus, apakah yang boleh dibuat dengan buah-buahan tempatan?

8. Apakah yang menjadi opsyen untuk dihidangkan dalam majlis-majlis yang tertentu sebagai pencuci mulut?

9. Apakah yang terjadi apabila tiba musim buah-buahan?

10. Mengapakah kita digalakkan untuk membeli buah-buahan tersebut?

LIVEWORKSHEETS